

SULIT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2019/2020

| | | |
|---------------------|---|--|
| NAMA KURSUS | : | TAMADUN ISLAM DAN TAMADUN ASIA |
| KOD KURSUS | : | UQI 10302 / UWA 10302 |
| KOD PROGRAM | : | BBA/ BBB/ BBC/ BBD/ BBE/ BBF/ BBG/ BDD/ BEJ/ BEV/ BFF/ BFR/ BIM/ BIP/ BIS/ BIT/ BIW/ BNA/ BNB/ BNC/ BND/ BNE/ BNF/ BNG/ BNL/ BNM/ BNN/ BNS/ BNT/ BPA/ BPB/ BPC/ BPD/ BPP/ BWA/ BWC/ BWD/ BWQ/ BWW |
| TARIKH PEPERIKSAAN: | | DISEMBER 2019/ JANUARI 2020 |
| JANGKA MASA | : | 2 JAM |
| ARAHAN | : | A) JAWAB SEMUA SOALAN DALAM BORANG OMR YANG DISEDIAKAN. B) DILARANG MEMBAWA KERTAS SOALANINI KELUAR DARI DEWAN PEPERIKSAAN. |

TERBUKA

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG DUA PULUH SATU (21) MUKA SURAT

SULIT

S1 Apakah dua elemen utama yang merangkumi pengertian tamadun?

- A Kemajuan sains dan kecanggihan teknologi
- B Kehalusan kesenian dan ketinggian kebudayaan
- C Kemajuan kesopanan dan ketinggian ketatasusilaan
- D Ketinggian tingkah laku dan pembangunan perbandaran

Soalan 2 dan 3 berdasarkan senarai tokoh ilmu ketamadunan dalam **Jadual 1**.
Pilih jawapan yang betul.

Jadual 1

| Tokoh ilmu ketamadunan | |
|-------------------------------|----------------|
| I | Farid Wajdi |
| II | Jurji Zaidan |
| III | Ibn Khaldun |
| IV | Muhammad Abduh |

S2 Siapakah dua tokoh dalam **Jadual 1** yang menggunakan istilah *Madaniyyah* dalam penulisan mereka?

- A I dan II sahaja
- B I dan IV sahaja
- C II dan III sahaja
- D III dan IV sahaja

S3 Siapakah penulis terawal yang mengemukakan idea pengajian ilmu ketamadunan?

- A I
- B II
- C III
- D IV

TERBUKA

S4 Manakah antara berikut tidak termasuk dalam ciri asas tamadun?

- A Wujud sistem kepercayaan atau agama
- B Peningkatan kualiti kehidupan dan memanjangkan jangka hayat
- C Wujud penempatan manusia yang tidak tinggal menetap di sesebuah kawasan
- D Kelahiran dan perkembangan daya kreativiti dalam menghayati falsafah, kesenian dan nilai estetika tersendiri

Soalan 5 adalah berdasarkan kepada konsep tamadun dalam **Pernyataan 1**.
Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 1

“Tamadun sama dengan budaya yang merangkumi keseluruhan pencapaian manusia termasuk pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat dan keupayaan-keupayaan serta tabiat-tabiat lain yang didapati oleh manusia sebagai anggota masyarakat”.

S5 Manakah antara tokoh berikut yang memberikan konsep tamadun sebagaimana dalam **Pernyataan 1**?

- A Collingwood (1889 - 1943)
- B Samuel Johnson (1709- 1784)
- C Jacqueta Hawkes (1910 - 1996)
- D Edward Burnett Taylor (1832 – 1917)

S6 Pilih kenyataan yang tepat mengenai kesan interaksi antara tamadun.

- I Berlaku di sepanjang zaman
 - II Boleh membawa kesan positif dan negatif
 - III Membawa perubahan dari segi nilai, idea, institusi dan insan
 - IV Mengelakkan sesebuah tamadun daripada menjadi beku dan jumud
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S7 Apakah tahap yang menggambarkan kelekaan terhadap kemewahan dan kesenangan hidup dalam teori kitaran Ibnu Khaldun?

- A Tahap pra tamadun
- B Tahap lemah dan kejatuhan
- C Tahap awal atau kelahiran tamadun
- D Tahap kehidupan menetap atau bertamadun

TERBUKA

S8 Apakah istilah yang digunakan oleh Malik Bennabi dalam teori kitaran tamadun?

- A Umran
- B Tamadun
- C Hadharah
- D Madaniyah

S9 Pilih faktor yang mendorong kepada kelahiran tamadun.

- I Iklim yang sesuai
 - II Tekanan kehidupan
 - III Tercetus peperangan
 - IV Keutuhan sistem moral
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

Soalan 10 berdasarkan hubungan antara agama dan tamadun dalam **Pernyataan 2**.
Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 2

“Agama menjadi ubat yang mujarab bagi menyembuhkan penyakit yang lahir daripada krisis peradaban, sebagaimana ia berperanan untuk memanjangkan hayat sesebuah peradaban dan mempertahankannya daripada keruntuhan”.

S10 Siapakah tokoh yang membuat rumusan dalam **Pernyataan 2**?

- A Samuel Johnson (1709 – 1784)
- B Arnold Toynbee (1889 – 1979)
- C Jacqueta Hawkes (1910 – 1996)
- D Edward Burnett Taylor (1832 – 1917)

S11 Pilih kesan interaksi antara tamadun.

- I Berlaku asimilasi ajaran Buddha dengan kepercayaan animisme tamadun India
- II Undang-undang Islam mempengaruhi Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka
- III Orang-orang Cina mempelajari tentang perubatan, astronomi dan farmasi daripada orang-orang Arab
- IV Interaksi Buddhisme sebagai sebuah agama yang lahir dalam masyarakat Hindu dengan memiliki ciri-ciri dan falsafah Hinduisme

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV



TERBUKA

S12 Bagaimanakah semangat kekitaan (*asabiyah*) menjadi faktor awal kelahiran tamadun?

- A Budaya kehidupan menetap yang membentuk pertumbuhan bandar
- B Sifat bersatu padu dan saling menyokong dalam kalangan kelompok kabilah sahaja
- C Semangat hidup berkumpulan dan saling menjamin keselamatan puak masing-masing melalui penaklukan dan perang
- D Wujud fitrah kepada kehidupan bermasyarakat untuk memenuhi keperluan asas dalam hidup dengan melindungi ahli keluarga dan kaum kerabat dari malapetaka dan bahaya

S13 Manakah antara berikut merupakan faktor kemerosotan sesebuah tamadun?

- I Penindasan dan kezaliman dengan mengenepikan hak-hak kemanusiaan
 - II Keruntuhan moral dan nilai dalam masyarakat terutama di kalangan pemimpin
 - III Malapetaka atau bencana alam seperti gempa bumi, letusan gunung berapi, wabak penyakit dan sebagainya
 - IV Keadilan dalam masyarakat yang menyebabkan wujudnya keharmonian dan kesenangan hidup dalam setiap lapisan masyarakat
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S14 Apakah kepentingan mempelajari ilmu ketamadunan?

- I Memberi kefahaman yang sebenar tentang kehidupan yang bertamadun
 - II Membebaskan warganegara daripada prasangka buruk antara satu sama lain
 - III Menjadi panduan dalam pembentukan jati diri warganegara serta dapat menentukan arah tuju negara untuk jangka masa pendek atau panjang
 - IV Memudahkan warganegara mengenali faktor kemerosotan tamadun seterusnya dapat digunakan untuk meruntuhkan tamadun lain bagi membangun tamadun sendiri
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA

S15 Apakah yang dimaksudkan dengan tamadun Islam?

- A Tamadun yang berpegang kepada amalan warisan
- B Tamadun yang berpegang kuat kepada adat ketimuran
- C Tamadun yang berdasarkan kepada nilai-nilai kerohanian
- D Tamadun yang berdasarkan kepada kesepakatan sesebuah bangsa

S16 Bagaimanakah tamadun Islam mengubah kehidupan masyarakat Arab Jahiliyah selepas kedatangan Islam?

- A Membunuh kanak-kanak lelaki
- B Mengamalkan sistem perhambaan
- C Menjadi jumud dan tidak berkembang
- D Membentuk manusia yang mengesakan Allah SWT

S17 Apakah sumber rujukan dalam Islam yang merupakan kesepakatan para ulama Fiqh selepas kewafatan Nabi SAW?

- A al-Ijmak
- B al-Qiyas
- C al-Quran
- D al-Sunnah

S18 Apakah tindakan yang dilakukan oleh Rasulullah SAW dalam mengembangkan akidah kepada masyarakat Arab Jahiliyah pada peringkat awal penurunan wahyu?

- I Mengukuhkan sistem kepercayaan yang menekankan semangat asabiyah
- II Meruntuhkan kesesatan akidah yang bertentangan dengan ajaran Islam secara beransur-ansur
- III Menyebarluaskan akidah yang benar semasa berdakwah kepada kaum keluarga dan sahabat terdekat
- IV Menerima kepercayaan masyarakat Arab Jahiliyah yang menjadi tradisi dan budaya tempatan sejak turun temurun

- A I dan II sahaja
- B I dan III sahaja
- C II dan III sahaja
- D III dan IV sahaja

TERBUKA

S19 Manakah antara berikut merupakan peristiwa dalam Islam yang menjadi asas kepada pembentukan negara dan sistem pemerintahan Islam?

- A Hijrah dari Mekah al-Mukarramah ke Yaman
- B Hijrah dari Mekah al-Mukarramah ke Madinah al-Munawwarah
- C Hijrah dari Madinah al-Munawwarah ke Mekah al-Mukarramah dan peperangan Badar
- D Hijrah dari Madinah al-Munawwarah ke Mekah al-Mukarramah dan pembukaan kota Mekah

S20 Apakah dasar tamadun Islam mengikut susunan keutamaan?

- A Memelihara akal, nyawa, agama, kehormatan dan harta
- B Memelihara agama, akal, nyawa, harta dan kehormatan
- C Memelihara akal, agama, nyawa, kehormatan dan harta
- D Memelihara agama, nyawa, akal, kehormatan dan harta

Soalan 21, 22 dan 23 merujuk kepada perintah pelaksanaan syariah dalam tamadun Islam seperti dalam **Jadual 2**.

Pilih jawapan yang betul.

Jadual 2

| | |
|---|---|
| A | Perintah pelaksanaan pemerintah |
| B | Perintah pelaksanaan secara kolektif |
| C | Perintah pelaksanaan secara individu |
| D | Perintah pelaksanaan secara individu dan kolektif |

S21 Apakah perintah pelaksanaan syariah dalam tamadun Islam yang merujuk kepada konteks hubungan seorang hamba dengan Penciptanya melalui ibadah khusus seperti solat, puasa, haji dan lain-lain?

S22 Manakah bentuk perintah pelaksanaan syariah yang merujuk kepada konteks melakukan dakwah, jihad, menegakkan kebaikan dan mencegah kemungkaran serta tuntutan-tuntutan fardhu kifayah yang lain?

S23 Pilih konteks perintah pelaksanaan syariah yang merujuk kepada skop pelaksanaan undang-undang Islam bagi kesalahan jenayah seperti hudud, qisas dan takzir.

S24 Bagaimanakah pemeliharaan akal menurut dasar tamadun Islam?

- A Menjadi hamba yang bertanggungjawab
- B Mengambil atau merampas harta orang lain
- C Menjaga kehormatan, maruah serta keturunan melalui perkahwinan
- D Menghindarkan dari sesuatu yang boleh menggugat kewarasan akal fikiran

TERBUKA

S25 Manakah berikut tujuan pelaksanaan dasar tamadun Islam?

- I Menjamin kesamarataan manusia
 - II Menjamin kebahagiaan dan keharmonian hidup
 - III Memelihara haiwan, tumbuhan dan alam sekitar
 - IV Memelihara, memulihkan dan menghormati hak asasi manusia
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S26 Bagaimanakah proses pengukuhan dan kesejagatan Islam berlaku di Madinah?

- I Mendirikan pasar di kota Madinah bagi meningkatkan sosio ekonomi penduduk
 - II Membentuk ikatan dan jalinan persaudaraan antara golongan Muhajirin dengan Ansar
 - III Membina infrastruktur dan kemudahan asas serta mengembangkan aspek pendidikan
 - IV Melaksanakan sistem ekonomi berdasarkan ajaran Islam seperti institusi Baitulmal, pungutan cukai daripada zakat, jizyah dan ghanimah
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S27 Apakah pengenalan lain bagi kitab *al-Qanun fi al-Tibb* karya Ibn Sina?

- A Ensiklopedia perubatan
- B Buku undang-undang perubatan
- C Buku perubatan tradisional Tamadun Islam
- D Modul garis panduan perubatan menurut Islam

TERBUKA

S28 Apakah nama perpustakaan yang menjadi pusat terjemahan pada zaman Khalifah Harun al-Rasyid?

- A Dar al-Ilm
- B Baitul Ulum
- C Baitul Hikmah
- D Baitul Hukumah

S29 Apakah karya agung Ibn Batuttah berkaitan dokumentasi pelayarannya?

- A Rihlah Ibn Batuttah
- B Risalah Ibn Batuttah
- C Mu'jam Ibn Batuttah
- D Al-Qanun Ibn Batuttah

S30 Apakah bidang kepakaran Umar Khayyam dalam kecemerlangan tamadun Islam?

- A Sains
- B Geografi
- C Matematik
- D Alam dan manusia

S31 Siapakah tokoh Tamadun Islam yang bertanggungjawab memperkenalkan sistem pernomboran, aritmetik, trigonometri, geometri dan kaedah berangka?

- A Al-Biruni
- B Al-Farabi
- C Al-Ghazali
- D Al-Khawarizmi

S32 Mengapa kestabilan Andalus menyumbang kepada faktor kecemerlangan Tamadun Islam sehingga Andalus dianggap sebagai *The Torch of Europe*?

- I Tradisi keilmuan dan cintakan ilmu pengetahuan yang tinggi
- II Sikap pemerintah, kerjasama para ulama dan cendekiawan
- III Penubuhan Universiti Cordova dan pusat penyimpanan karya serta terjemahan
- IV Fenomena kepelbagaian bangsa, budaya dan tamadun yang memantapkan lagi identiti, komuniti serta intelektual

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV



S33 Pilih pasangan yang tepat berkaitan tempat dan bahasa Melayu yang dituturkan.

- A Kepulauan Melayu - Lingua Franca
- B Tanah Melayu - Lingua Franca
- C Kepulauan Melayu - Sub Etnik Serumpun
- D Semenanjung Melayu - Sub Etnik Kepulauan

S34 Apakah takrif orang Melayu menurut perkara 160 Perlembagaan Persekutuan?

- I Beragama Islam
 - II Berbahasa Melayu
 - III Menetap di pesisir pantai
 - IV Mengamalkan adat istiadat Melayu
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S35 Apakah simbolik kepada binaan-binaan candi dalam tamadun Melayu?

- I Pengaruh agama Hindu-Buddha
 - II Pengaruh budaya diraja dan kesultanan Melayu
 - III Teknologi binaan batu oleh pakar binaan yang khusus
 - IV Perkembangan ekonomi dan perdagangan di kepulauan Melayu
-
- A I dan II sahaja
 - B I dan III sahaja
 - C II dan IV sahaja
 - D III dan IV sahaja

S36 Manakah perubahan bentuk kepercayaan masyarakat Melayu selepas kedatangan Islam?

- A Kepercayaan kepada dewa bertukar kepada kepercayaan kepada animisme
- B Kepercayaan kepada Allah SWT bertukar kepada kepercayaan kepada dewa
- C Kepercayaan kepada dewa bertukar kepada kepercayaan kepada Allah SWT dan Rasul
- D Kepercayaan kepada Allah SWT dan RasulNya bertukar kepada kepercayaan banyak tuhan

S37 Manakah antara berikut faktor yang menyebabkan pandangan semesta masyarakat Melayu mengalami perubahan selepas kedatangan Islam?

- | | |
|---|----------------|
| <ul style="list-style-type: none">I Wujud hubungan manusia dengan Allah SWTII Konsep yang digunakan adalah konsep hukum alamIII Berlaku proses Islamisasi dan pandangan semesta yang lebih mantapIV Konsep kejadian manusia sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi <ul style="list-style-type: none">A I, II dan III sahajaB I, III dan IV sahajaC II, III dan IV sahajaD I, II, III dan IV | TERBUKA |
|---|----------------|

S38 Apakah gelaran bagi orang Melayu yang merantau keluar daripada kepulauan Melayu?

- A Melayu Cocos
- B Melayu Pelayar
- C Melayu Perantau
- D Melayu Diaspora

S39 Mengapa kerajaan Melayu awal kurang memberi perhatian kepada penguasaan fizikal wilayah?

- A Penguasaan tamadun Melayu lebih kepada aktiviti kemahiran dan pertanian
- B Penguasaan tamadun Melayu terhalang disebabkan faktor bahasa dan interaksi sesama penduduk
- C Penguasaan tamadun Melayu yang tidak mampu berkembang maju dalam aktiviti pelayaran dan perdagangan jarak jauh
- D Penguasaan tamadun Melayu yang mengutamakan kepada penguasaan laluan air serta kebolehan menarik orang datang ke sesuatu tempat


Soalan 40 dan 41 merujuk kepada pandangan semesta tamadun Melayu dalam **Jadual 3**. Pilih jawapan yang betul.

Jadual 3

| | |
|---|--------------------|
| A | Bekerjasama |
| B | Menjaga tutur kata |
| C | Memuliakan tetamu |
| D | Hormat menghormati |

S40 Apakah pandangan semesta tamadun Melayu yang ditekankan dalam pantun di bawah?

Anak rusa masuk ke laman
Senanglah jua orang memburu
Yang muda buatkan teman
Yang tua jadikan guru

**TERBUKA**

S41 Apakah pandangan semesta tamadun Melayu yang sesuai merujuk kepada maksud pantun di bawah?

Buah salak di dalam kantung
Kulitnya keras isinya kelat
Bulat air kerana pembetung
Bulat manusia kerana muafakat

S42 Bagaimanakah kedatangan agama Islam ke Alam Melayu?

- I Melalui laluan perdagangan darat ke negara India seterusnya ke Asia Tenggara
- II Melalui laluan perdagangan laut dari laluan sutera seterusnya ke Asia Tenggara
- III Melalui laluan perdagangan darat ke negara China seterusnya ke Asia Tenggara
- IV Melalui laluan perdagangan laut dari negara Arab dan Parsi seterusnya ke Asia Tenggara

- A I, II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S43 Apakah nama lain kitab *Sejarah Melayu* yang merupakan antara karya kesusastraan di zaman Kesultanan Melayu Islam?

- A *Taj al-Salatin*
- B *Bustan al-Salatin*
- C *Sulalat al-Salatin*
- D *Umdah al-Salatin*

Soalan 44, 45 dan 46 berdasarkan kepada pusat-pusat Tamadun Melayu Islam dalam **Jadual 3**. Pilih jawapan yang betul.

Jadual 3

| | |
|---|----------------|
| A | Perlak |
| B | Melaka |
| C | Champa |
| D | Samudera Pasai |

TERBUKA

S44 Apakah kerajaan pertama yang memainkan peranan dalam perkembangan bahasa Melayu menerusi tulisan jawi untuk menggantikan tulisan Jawa kuno?

S45 Di manakah kerajaan yang menonjolkan peranan Hamzah Fansuri sebagai ulama yang mendidik Sultan ‘Alauddin Ri’ayat Syah Sayyid Mukammil?

S46 Di manakah kerajaan Melayu Islam yang terletak di Sumatera Utara dan dikatakan sebagai antara pusat kerajaan Islam yang paling awal serta menjadi asas penting dalam perkembangan Islam di Alam Melayu?

S47 Apakah dua perkara penting yang mewarnai pembentukan Tamadun Melayu?

- A Kepelbagaian bahasa dan etnik
- B Bahasa Melayu dan agama Islam
- C Kepelbagaian etnik dan agama Islam
- D Bahasa Melayu dan interaksi antara tamadun

Soalan 48 berdasarkan kepada kepercayaan Melayu awal dalam **Pernyataan 3**. Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 3

Kepercayaan semua benda di dunia mempunyai roh atau semangat yang mempengaruhi kehidupan manusia sama ada baik atau buruk. Roh atau semangat ini perlu dipuja agar membawa kebaikan dan rezeki. Contoh aktiviti memuja pantai atau semangat padi. Wujud istilah seperti pantang larang, adat istiadat, main puteri, dukun, pawang dan nenek kebayan.

S48 Apakah bentuk kepercayaan dalam tamadun Melayu awal merujuk kepada **Pernyataan 3**?

- A Kepercayaan mistik
- B Kepercayaan animisme
- C Kepercayaan dahulu kala
- D Kepercayaan Hindu-Buddha

S49 Manakah kesan pengaruh Hindu-Buddha dalam kepercayaan tamadun Melayu awal?

- I Terdapat dua buah kerajaan Hindu iaitu Langkasuka dan Kedah Tua
- II Pemerintah berpegang teguh dengan konsep Dewaraja (raja adalah tuhan di bumi)
- III Wujud peninggalan arkeologi seperti candi Borobudur di Pulau Jawa dan di Lembah Bujang, Kedah
- IV Masyarakat tempatan terpengaruh dengan epik Ramayana dan Mahabharata daripada kepercayaan Hindu yang melahirkan bentuk penceritaan mitos seperti wayang kulit

- A I, II dan III sahaja
- B I, II dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV



S50 Apakah aktiviti masyarakat Zaman Batu Baru (*Neolithic New Stone Age*) yang berlangsung selepas tahun 10,000 S.M. di sekitar lembah Sungai Indus?

- A Aktiviti terhad kepada pembinaan rumah-rumah kediaman, pertanian dan perdagangan
- B Aktiviti pertanian, perternakan, perdagangan dengan negara luar dan mengamalkan upacara-upacara keagamaan
- C Aktiviti pertanian, penternakan, pembuatan pinggan mangkuk, perhiasan, pembuatan barang tembikar, benang, kain dan peralatan batu
- D Aktiviti pembinaan negara meliputi aspek kehidupan manusia seperti penyebaran agama, budaya, nilai hidup dan kemajuan kebendaan

S51 Bilakah kedatangan masyarakat Indo-Aryan dari Asia Tengah ke lembah Sungai Indus?

- A Zaman Chola
- B Zaman Gupta
- C Zaman Vedik
- D Zaman Maurya

S52 Apakah mercu tanda yang menjadi bukti kemajuan bidang peleburan logam dalam tamadun India?

- A Pembinaan landskap istana Taj Mahal
- B Teknologi pembinaan Iron Pillar of Delhi
- C Pembuatan arca tuhan dalam Kuil Vishnu
- D Teknologi pembinaan menara Qutb Minar

S53 Apakah nilai utama yang diketengahkan oleh epik sastera *Sakunthala* dan *Kama Sutra*?

TERBUKA

- A Menerangkan ajaran-ajaran *dharma* (kebaikan) dan keagamaan
- B Mengandungi bahasa puitis dan nilai-nilai sejarah tamadun India
- C Menghurai ciri-ciri jati diri seorang warganegara yang sanggup berkorban untuk negara
- D Menjelaskan susur galur dan sejarah pembinaan kerajaan awal tamadun India di sekitar Sungai Indus

S54 Manakah antara berikut peringkat kehidupan masyarakat India mengikut kitab Veda secara turutan?

- A *Brahmacarya, Grahasta, Vanaprasta, Sannayasa*
- B *Grahasta, Brahmacharya, Sannayasa, Vanaprasta*
- C *Sannayasa, Grahasta, Vanaprasta, Brahmacharya*
- D *Vanaprasta, Sannayasa, Grahasta, Brahmacharya*

S55 Pilih masyarakat yang mendiami kawasan India Selatan dan bahasa perantaraan yang digunakan.

- A Dravida - Urdu
- B Sinhala - Telegu
- C Dravida - Tamil
- D Indo-Aryan - Sanskrit

S56 Apakah tahap individu menyempurnakan tanggungjawab kepada rumah tangga dan masyarakat dalam *Ashrama Dharma*?

- A *Grhastya*
- B *Sannayasa*
- C *Brahmacarya*
- D *Vanaprakashya*

S57 Pilih golongan yang wujud dalam sistem kasta yang diamalkan dalam tamadun India?

- I *Sudra*
 - II *Vaisya*
 - III *Ksatriya*
 - IV *Brahmin*
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S58 Mengapa seni khat sangat dimuliakan dan dihormati semasa zaman pemerintahan Islam di India?

- A Mampu memberikan pendapatan lumayan
- B Dianggap bertuah dan dirahmati Allah SWT
- C Mampu membuatkan seseorang itu menjadi terkenal
- D Melayakkan pemiliknya untuk mendapat kedudukan yang istimewa dari pihak istana



S59 Manakah antara berikut merupakan elemen alam semesta menurut sains fizik tamadun India?

- A Tanah – angin – api – air
- B Tanah – angin – api – air – angkasa
- C Tanah – angin – api – air – cakerawala
- D Tanah – angin – api – air – alam semesta

S60 Apakah sumbangan tamadun Islam dalam bidang seni bina terhadap sejarah perkembangan tamadun India?

- I Memperkenalkan lukisan burung dan tumbuhan
 - II Memperkenalkan pembinaan kubah dan menara
 - III Memperkenalkan penggunaan konkrit dan motar
 - IV Memperkenalkan alat-alat geometri dalam pembinaan bangunan
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S61 Apakah bukti penting ketamadunan yang telah wujud di Lembah Indus setaraf dengan tamadun besar dunia?

- A Kesan penanaman padi, barli, gandum, kapas dan binatang ternakan utama seperti lembu, kambing dan khinzir
- B Aktiviti keagamaan yang paling ketara dijalankan ialah upacara penyembahan Proto Shiva dan Permandian Umum
- C Penemuan patung-patung wanita menandakan aktiviti penyembahan kepada Dewi Ibu sangat terkenal dalam masyarakat India silam khasnya dari kalangan orang Tamil di bahagian Selatan
- D Penemuan kesan kewujudan bandar Mohenjo-Daro dan Harrappa yang didirikan dengan menggunakan kaedah seni bina dan perancangan perbandaran yang teratur dan sistematis

Soalan 62 berdasarkan kepada bidang ilmu tamadun India dalam **Pernyataan 4**.
Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 4**TERBUKA**

Tamadun India adalah pelopor awal dunia terhadap bidang ilmu ini. Kitab Rig Veda menggunakan istilah *Jyosita* untuk menerangkan disiplin ilmu tersebut. Unsur-unsur seperti matahari, bulan dan bintang dianggap sebagai Tuhan.

S62 Apakah disiplin ilmu yang merujuk kepada **Pernyataan 4**?

- A Astronomi
- B Matematik
- C Fizik dan atom
- D Kimia dan logam

S63 Apakah karya kesusasteraan Vedik dalam tamadun India yang menduduki hierarki teratas dari aspek sastera dan agama.

- I Upanishad
- II Kitab Veda
- III Brahmanas
- IV Mahabharata

- A I, II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV

S64 Bagaimanakah budaya Yangshao dalam era Neolitik (3950 S.M.-1700 S.M.) membantu perkembangan awal tamadun Cina?

- A Mewujudkan aktiviti perikanan air tawar di sekitar lembah Sungai Kuning
- B Menjalankan aktiviti penanaman pokok bagi menggiatkan penenunan kain
- C Melaksanakan aktiviti pertanian ubi dan sagu untuk sumber makanan asasi
- D Melibatkan aktiviti budaya tebang dan bakar untuk pertanian dan penempatan

S65 Apakah nilai dalam Legalisme yang dirumuskan oleh ahli falsafah Cina bernama Han Feizi?

- A Pemikiran kebijakan rakyat
- B Pemikiran kebebasan mutlak rakyat
- C Pemikiran kekuasaan ketenteraan ke atas negara
- D Pemikiran kekuasaan pemerintah ke atas rakyatnya

S66 Pilih aktiviti ekonomi dan pertanian awal masyarakat neolitik di lembangan Sungai Kuning.

- I Penanaman padi
- II Penghasilan sutera
- III Pemburuan haiwan
- IV Pembuatan tembikar

- A I, II dan III sahaja
- B I, III dan IV sahaja
- C II, III dan IV sahaja
- D I, II, III dan IV



S67 Manakah antara berikut adalah benar berkaitan ciri sifat tahan lama tamadun Cina?

- I Mengkekalkan bentuk totem naga dalam tulisan
 - II Aktiviti perindustrian sutera yang mengekalkan kesenian dan kehalusannya
 - III Tembok Besar Cina masih berdiri kukuh walaupun tanpa menggunakan teknologi tinggi
 - IV Aktiviti pelayaran ke negara-negara di seluruh dunia bagi tujuan perdagangan dan ketenteraan
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

S68 Apakah falsafah Taoisme yang merujuk kepada cara penurunan kadar jenayah?

- A Beranggapan dunia manusia adalah buruk, justeru manusia harus menahan nafsu
- B Beranggapan manusia secara asasnya bersifat jahat, justeru menyarankan agar penguatkuasaan undang-undang dan hukuman yang ketat dilaksanakan
- C Beranggapan dunia manusia adalah baik, justeru manusia hendaklah mencintai orang lain seperti mencintai diri sendiri tanpa ada perbezaan taraf kehidupan
- D Beranggapan manusia pada asalnya adalah baik, justeru pemerintah hendaklah mengawal persekitaran agar tidak memberi ruang manusia melakukan jenayah

S69 Manakah antara berikut dinasti yang berjaya menyatukan seluruh negara China menjadi satu unit politik dan budaya?

- A Qin
- B Han
- C Tang
- D Song

TERBUKA

S70 Bagaimanakah gambaran keadaan masyarakat pada zaman penubuhan tamadun Cina sekitar 722 SM – 221 SM?

- I Keadaan negara adalah huru-hara dan berpecah-belah
 - II Pelbagai pemikiran falsafah berkembang dengan pesat
 - III Golongan intelektual membantu pemimpin tempatan untuk mentadbir dan mengurus negeri
 - IV Menghadapi masalah luaran akibat daripada serangan orang gasar dan peperangan antara negeri
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

Soalan 71 dan 72 merujuk kepada sejarah dinasti tamadun Cina dalam **Pernyataan 5**. Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 5

Dinasti yang wujud pada sekitar tahun 206 SM–220 SM. Dinasti ini meninggalkan kesan mendalam sehingga hari ini. Orang Cina masih merujuk diri mereka sebagai “Orang Han”. Dinasti ini memerintah satu kawasan yang luas merentang dari Pergunungan Pamir yang terletak di Afghanistan hari ini di Barat hingga ke Korea di timur dan dari Mongolia di utara ke Vietnam di selatan.

S71 Apakah tahap dan dinasti yang dinyatakan dalam **Pernyataan 5**?

- A Tahap penubuhan – Dinasti Han
- B Tahap perkembangan – Dinasti Han
- C Tahap perkembangan – Dinasti Tang
- D Tahap penubuhan – Dinasti Tang

S72 Apakah bentuk pencapaian dinasti dalam **Pernyataan 5**?

- A Laluan Sutera menjadi jalan yang sering digunakan dalam perhubungan antara Asia Tengah dengan Asia Barat
- B Pasukan tentera yang pertama menggunakan belerang dan serbuk letup dalam peperangan, pengenalan wang kertas, memperkenalkan inovasi baru iaitu kompas dan alat pencetakan
- C Pentadbiran negara dikendalikan para ilmuan terulung yang mendapat pendidikan mendalam fahaman Konfusius, bidang kesenian dan kesusasteraan berkembang pesat serta peningkatan aktiviti mencetak
- D Pembinaan tembok besar Cina di utara China yang panjangnya 4,000 kilometer dan ia dibina untuk menghalang serangan penunggang-penunggang kuda daripada kawasan *steppe* yang terletak di utara benua Asia

S73 Manakah antara berikut sumbangan terbesar tamadun Cina terhadap perkembangan sains dan teknologi dunia?

- I Kompas
 - II Percetakan
 - III Bahan letupan
 - IV Pembuatan kertas
- A I, II dan III sahaja
 - B I, III dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA

S74 Siapakah penulis buku berjudul *The Clash of Civilisations and Remaking of World Order*?

- A Bernard Lewis
- B Samuel Johnson
- C Francis Fukuyama
- D Samuel Huntington

S75 Apakah kesan budaya kebendaan terhadap tamadun?

- A Sesebuah tamadun itu akan maju dan moden
- B Perubahan struktur kegiatan ekonomi dan perniagaan
- C Kehilangan keutuhan jati diri dan nilai-nilai kebudayaan
- D Dunia kelihatan seperti sebuah dunia Barat moden yang luas

S76 Apakah mekanisme yang perlu wujud bagi menyahut cabaran masa depan dunia berbilang tamadun di Malaysia?

- A Menganjurkan dialog antara tamadun bagi memupuk persefahaman antara kaum
- B Membina tamadun yang homogen bagi membentuk kesatuan dan kesepaduan kaum
- C Menutup pintu interaksi antara tamadun bagi menyekat dominasi Barat ke atas Malaysia
- D Menafikan kewujudan kepelbagaian tamadun bagi memastikan kelangsungan tamadun Malaysia

S77 Apakah aliran pemikiran dan sistem pemerintahan yang lahir dalam dunia homogen Barat menurut Francis Fukuyama?

- A Pluralisme dan autokrasi Barat
- B Sekularisme dan monarki Barat
- C Liberalisme dan demokrasi Barat
- D Komunisme dan globalisasi Barat

TERBUKA

S78 Apakah jangkaan yang akan berlaku berdasarkan kepada teori *The Clash of Civilizations*?

- A Perbincangan kepentingan tamadun Barat dengan kepentingan syarikat multi nasional
- B Pertelingkahan tentang nilai antara tamadun Barat dengan tamadun cemerlang pada zaman lepas
- C Perseteruan antara tamadun Barat dengan tamadun lain akan mencorakkan ekonomi sejagat
- D Pertembungan antara tamadun Barat dengan tamadun lain akan mencorakkan suasana politik sejagat

Soalan 79 hingga 80 berdasarkan keratan berita dalam **Pernyataan 6**.
Pilih jawapan yang betul.

Pernyataan 6**Malaysia kurang beri perhatian isu pedofilia, pemerdagangan manusia**

Kuala Lumpur: Penguatkuasaan undang-undang terhadap pelaku pedofilia dan pemerdagangan manusia di negara ini perlu diperketatkan bagi membendung jenayah itu berleluasa di negara ini. Berdasarkan kaji selidik yang dijalankan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) Tenaganita, badan itu mendedahkan permintaan terhadap seks dengan kanak-kanak semakin meningkat di negara ini berbanding negara Asia lain seperti Thailand dan Kemboja. "Negara lain sudah alami masalah ini dan mereka telah mengambil tindakan yang lebih tegas untuk menanganinya. Manakala di Malaysia, kita kurang usaha untuk membanteras jenayah ini. "Kita tidak serius untuk beri perhatian kepada apa yang terjadi kepada kanak-kanak. Kita merasakan semuanya baik di Malaysia. Kita fikir adanya perlindungan dengan menjalankan program,"

Justeru, penguatkuasaan perlu dijalankan bukan hanya melalui satu agensi penguatkuasaan tetapi pihak berkepentingan lain perlu bekerjasama. "Kita kini perlu lebih memahami keadaan di dalam rumah, terhadap keluarga dan jiran-jiran. Perkara ini berleluasa kerana kanak-kanak kurang bercakap tentangnya kerana malu," jelasnya. Aegile turut berpendapat kanak-kanak perlu diberi pendedahan awal melalui pendidikan seks agar mereka dapat melaporkan jenayah tersebut sekiranya berlaku kepada mereka.

(Sumber: Astro Awani Online, 22 Februari 2019)

S79 Mengapakah isu moral dan salah laku pedofilia dan pemerdagangan manusia masih belum dapat dibendung?

- I Penguatkuasaan undang-undang yang longgar
 - II Kurang kerjasama dan penglibatan dari penduduk
 - III Tiada kerjasama dan persefahaman isu dari negara-negara Asean
 - IV Kanak-kanak tidak diberi pendedahan awal mengenai pendidikan seks
-
- A I, II dan III sahaja
 - B I, II dan IV sahaja
 - C II, III dan IV sahaja
 - D I, II, III dan IV

TERBUKA

S80 Apakah implikasi besar daripada aktiviti pemerdagangan manusia?

- A Berlaku jenayah seperti mencuri, membunuh, ragut dan penderaan
- B Berleluasa gejala seks bebas dan kemasukan dadah yang tidak terkawal
- C Berleluasa kedatangan pendatang tanpa izin dan masalah sosial yang pelbagai
- D Berlaku migrasi secara haram yang membawa kepada aktiviti perhambaan, pelacuran, buruh paksa serta eksloitasi kanak-kanak